

09/09/2003

MSC tumpu tiga bidang utama

TIGA bidang akan diberi tumpuan utama ke arah pembangunan fasa kedua Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan membabitkan pendidikan, e-komuniti dan e-kerajaan sekali gus menjadi platform pembangunan keseluruhan sektor teknologi maklumat (IT) negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, dalam usaha untuk mendapatkan sepenuhnya manfaat dan kejayaan daripada teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), negara perlu bersungguh-sungguh terhadap tiga bidang ini.

Katanya, generasi masa depan negara harus dibekalkan dengan kepakaran dan kemahiran daripada tiga bidang itu untuk menjadi pemacu terhadap pembangunan MSC masa depan.

"Negara perlu meningkatkan tahap penembusan dalam internet dan juga kemudahan pengkomputeran komuniti bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran pengkomputeran termaju.

"Usaha ini adalah ke arah untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dalam menggunakan komputer dan Internet supaya mereka dapat mendapat manfaat daripada apa yang ditawarkan oleh ICT," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Abdullah yang akan mempengerusikan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC tahun depan memberi jaminan bahawa dia akan memberi keutamaan terhadap dua perkara iaitu pembangunan IAP dan MSC apabila menjadi Perdana Menteri nanti.

Beliau menegaskan, IAP dan peranan yang dimainkannya adalah amat penting untuk pembangunan masa depan Malaysia memandangkan ICT adalah pemboleh ke arah pembangunan negara, khususnya meningkatkan perkembangan ekonomi.

"Ahli IAP turut memberi jaminan bahawa mereka akan meneruskan komitmen kepada MSC dan memberi keyakinan akan mengembangkan operasi sedia ada di di sini.

"Mereka lebih berminat untuk menggunakan kepakaran tenaga tempatan bersesuaian dengan kepakaran tertentu dalam MSC terutama yang mempunyai kelulusan ijazah dan kedoktoran," katanya.

Memandangkan tahun depan, beliau akan menjadi ketua negara, Abdullah menegaskan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan lebih diterima untuk menghadiri mesyuarat IAP akan datang, namun tugasannya sebenarnya akan ditentukan kemudian.

"Perkara ini akan kami bincangkan dengan beliau untuk perkembangan seterusnya," katanya.